

KEFAHAMAN OBJEKTIF

KEFAHAMAN OBJEKTIF (LATIHAN 1)

ARAHAN: Baca dengan teliti petikan karangan di bawah ini.

Selepas berhimpun untuk upacara menaikkan bendera dan nyanyian "Majulah Singapura" serta ucapan ikrar pada pagi hari Kahmis lalu, murid-murid bersedia untuk pergi ke kelas masing-masing. Guru disiplin mengarah murid darjah 4 agar menunggu dan duduk di dalam dewan. Pengetua sekolah ada pengumuman yang penting untuk kami.

Setelah murid-murid yang tidak terlibat pulang ke kelas masing-masing, pengetua naik ke atas pentas untuk, membuat pengumumannya. Semua murid darjah 4 telah diarahkan untuk datang ke sekolah pada pukul 8.00 pagi pada hari Sabtu depan. Sekolah kami akan menjalankan 'Kempen Menggunakan Tangan'. Kami diarahkan untuk membersihkan dan menghias bilik darjah masing-masing. Kami diminta membawa kain-kain buruk untuk mengelap perabot dan tingkap-tingkap. Kami boleh mula membawa kain-kain buruk itu mulai esoknya.

Dalam pengumumannya itu, pengetua beritahu bahawa kami tidak dibenarkan mengguna air untuk mencuci tingkap dan lantai. Lantai hanya boleh disapu dan dimop sahaja. Untuk mengelap tingkap dan perabot, kami akan gunakan kain lembap yang dibasahkan dengan menggunakan sebaldi air yang disediakan. Murid-murid tidak dibenarkan memanjat atau menggunakan meja atau kerusi untuk mengelap tingkap yang tinggi.

Apabila kami pulang ke kelas, guru darjah kami telah menerangkan dengan lebih lanjut apa yang boleh kami lakukan. Kami telah dibahagikan kepada beberapa kumpulan. Setiap kumpulan diberi tugas-tugas tertentu.

Salihin, Amir dan Hairi telah ditugaskan untuk mengelap tingkap. Mereka bertiga bersepakat untuk lakukan tugas itu dengan baik dan sempurna.

ARAHAN: Jawab soalan-soalan berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai. Tuliskan nombor jawapan kamu di dalam tanda kurung () yang disediakan.

- 1 Selepas berhimpun pada pagi hari khamis itu, murid-murid Darjah 4 perlu dengar pengumuman _____.
- (1) guru-guru sekolah
 - (2) guru darjah mereka
 - (3) guru disiplin sekolah
 - (4) pengetua sekolah mereka ()
- 2 Murid-murid tersebut dikehendaki membawa _____.
- (1) mop
 - (2) penyapu
 - (3) kain buruk
 - (4) kerusi meja ()
- 3 Mereka akan ditugaskan untuk membersihkan _____.
- (1) kelas masing-masing
 - (2) semua kelas di sekolah
 - (3) sekitaran sekolah mereka
 - (4) pejabat pengetua sekolah ()
- 4 Murid-murid telah dibahagikan kepada kumpulan-kumpulan _____.
- (1) oleh guru disiplin
 - (2) di dewan sekolah
 - (3) apabila sampai di sekolah
 - (4) di dalam kelas masing-masing ()
- 5 Murid-murid tidak dibenarkan memanjat untuk membersihkan tingkap-tingkap yang tinggi dan mengguna air untuk mencuci _____.
- (1) kerusi dan meja
 - (2) tingkap dan lantai
 - (3) lantai dan perabot
 - (4) tingkap dan perabot ()

KEFAHAMAN OBJEKTIF (LATIHAN 2)

ARAHAN: Baca dengan teliti petikan karangan di bawah ini.

Wak Bulat berusia lebih kurang enam puluh tahun. Wak Bulat jiran seblok dengan saya. Dia tinggal di tingkat bawah blok kami. Wak Bulat digelar dengan panggilan Wak Bulat Mekanik. Wak Bulat digelar demikian kerana dia mahir membaiki motosikal-motosikal yang rosak.

Ramai orang datang untuk mendapatkan bantuannya untuk membaiki motosikal mereka. Mereka berpuas hati dengan kerjanya. Wak Bulat seorang mekanik yang mahir. Kerjanya baik dan cepat. Dia tidak mengenakan bayaran yang tinggi.

Wak Bulat tidak jalankan kerjanya di sebuah bengkel atau kedai membaiki kenderaan rosak. Dia jalankannya di tempat meletak kereta di sebelah blok kami. Dia berasa senang menjalankan kerjanya di situ. Pelanggan yang sudah biasa dengannya akan pergi ke bloknya dan menelefonnya. Dalam masa 5 minit sahaja Wak Bulat sudah dapat melayan pelanggan tersebut.

Wak Bulat yang bekerja sendiri ini bersyukur dengan pendapatan yang diterimanya. Boleh dikatakan pendapatannya juga lumayan setiap hari. Wak Bulat juga mempunyai sebuah motosikalnya sendiri. Dia gunakan motosikal itu untuk pergi ke tempat-tempat lain jika ada panggilan telefon untuk membaiki motosikal yang rosak. Motosikal itu juga digunakan untuk pergi membeli barang-barang yang diperlukan untuk sesebuah kenderaan yang rosak.

ARAHAN: Jawab soalan-soalan berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai. Tuliskan nombor jawapan kamu di dalam tanda kurung () yang disediakan.

- 1 Wak Bulat digelar Wak Bulat Mekanik kerana dia _____ .
- (1) seorang mekanik
 - (2) bercita-cita menjadi mekanik
 - (3) sedang belajar menjadi mekanik
 - (4) membantu kerja seorang mekanik ()
- 2 Wak Bulat memperbaiki motosikal-motosikal rosak di sebuah _____ .
- (1) tempat lapang
 - (2) kedai memperbaiki kereta
 - (3) tempat meletak kereta
 - (4) bengkel memperbaiki kereta ()
- 3 Wak Bulat berasa senang memperbaiki motosikal di situ kerana _____ .
- (1) tempat itu lapang
 - (2) ada banyak kereta
 - (3) tidak ada orang ganggu
 - (4) bersebelahan dengan bloknya ()
- 4 Ramai orang mendapatkan bantuan Wak Bulat untuk memperbaiki motosikal mereka kerana kerjanya memuaskan dan _____ .
- (1) bengkelnya besar
 - (2) bayarannya mahal
 - (3) bayarannya murah
 - (4) tidak dikenakan bayaran ()
- 5 Wak Bulat gunakan motosikalnya sendiri untuk _____ .
- (1) bersiar-siar sahaja
 - (2) berbelanja di pasar
 - (3) pergi ke bengkelnya
 - (4) memperbaiki motosikal di tempat lain ()

KEFAHAMAN OBJEKTIF (LATIHAN 3)

ARAHAN: Baca dengan teliti petikan karangan di bawah ini.

Pada bulan lepas, keluarga Pak Lang saya yang menetap di Canada melawat keluarga kami. Pak Lang, adik bapa saya, telah berhijrah ke Canada semasa dia berusia 23 tahun dahulu. Pak Lang telah membawa diri ke sana untuk mencari penghidupan baru. Sebaik sahaja dia berada di sana, Pak Lang saya bekerja di sebuah restoran. Pak Lang telah berusaha untuk mengumpulkan wang untuk membuka restoran makanan Islamnya sendiri di sana. Sekarang perniagaannya sangat maju dan kini dia mempunyai tiga buah restoran di sana.

Kami sekeluarga telah pergi ke Lapangan Terbang Antarabangsa Changi untuk menyambut ketibaan keluarga Pak Lang saya itu. Pak Lang datang dengan isterinya dan anak mereka yang bernama Danial. Danial anak tunggal seperti saya juga. Kami sebaya dan berusia 10 tahun. Mak Lang saya seorang berbangsa Canada tetapi fasih berbahasa Melayu.

Semasa mereka berada di sini, kami membawa mereka melawat tempat-tempat menarik di negara ini. Kami sempat melawat Sentosa, taman-taman burung dan haiwan. Ayah saya telah membawa kami dua keluarga menaiki "Singapore Flyer". Sempat juga kami pergi bersolat Jumaat di Masjid Sultan.

Pak Lang sungguh kagum melihat keindahan dan kebersihan Singapura. Pak Lang mengatakan Singapura pada masa dia tinggal di sini tidak sama dengan Singapura sekarang.

Setelah berada di sini selama dua minggu, mereka terpaksa pulang ke Canada untuk uruskan perniagaan mereka di sana.

ARAHAN: Jawab soalan-soalan berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai. Tuliskan nombor jawapan kamu di dalam tanda kurung () yang disediakan.

- 1 Keluarga Pak Lang penulis datang ke Singapura pada _____.
(1) bulan lepas
(2) minggu lepas
(3) 23 tahun dahulu
(4) Hari Jumaat lepas ()
- 2 Pak Lang penulis pergi ke Canada untuk _____.
(1) bertugas
(2) melancong
(3) mencari penghidupan baru
(4) melawat tempat-tempat menarik ()
- 3 Keluarga Pak Langnya terdiri daripada _____.
(1) seorang
(2) dua orang
(3) tiga orang
(4) empat orang ()
- 4 Pada hari Jumaat semasa berada di sini, mereka sempat pergi ke _____.
(1) Sentosa
(2) Masjid Sultan
(3) taman burung
(4) taman haiwan ()
- 5 Pak Lang penulis kagum melihat keindahan dan _____.
(1) Sentosa
(2) taman burung
(3) Singapore Flyer
(4) kebersihan Singapura ()

KEFAHAMAN OBJEKTIF (LATIHAN 4)

ARAHAN: Baca dengan teliti petikan karangan di bawah ini.

Bakri sangat gemar membaca. Dia akan baca pelbagai jenis, tidak kira cerita pendek, misteri, fiksiyen dan lain-lain. Bakri sangat gemar buku-buku pengetahuan sains dan ilmu pengetahuan. Walaupun dia murid Darjah 4, Bakri juga membaca novel. Kemahiran bahasa Melayu dan Inggerisnya sangat luas kerana banyak membaca buku-buku dalam dua aliran bahasa ini.

Jika ada perkataan yang dia tidak faham, Bakri akan catatkan di dalam sebuah buku khas. Bakri akan bertanya gurunya atau gunakan kamus untuk mencari makna perkataan itu.

Setelah membaca sesuatu buku, Bakri akan menulis ulasan dan ringkasannya lalu diberi kepada guru-guru bahasanya untuk komen-komen mereka. Cikgu Rasul, guru bahasa Melayunya, berasa bangga terhadap sikap Bakri itu. Beliau telah menggalakkan kami agar mencontohi sikap Bakri. Cikgu Rasul akan membuat salinan kerja-kerja Bakri itu lalu diedarkan kepada kami sedarjah untuk dibaca.

Kami kagum dengan kebolehan Bakri menulis dengan begitu baik walaupun dia seorang murid darjah empat. Bukan sahaja Bakri boleh menulis dalam bahasa Melayu, malah dia juga cekap menulis dalam bahasa Inggeris. Bakri bercita-cita untuk menjadi seorang guru bahasa dan pengarang kelak.

Cikgu Rasul selalu menggalakkan Bakri untuk teruskan minatnya itu. Beliau selalu memimpin Bakri dan tunjuk ajarnya gaya dan cara menulis dengan baik dan kreatif. Beliau kerap menghadiahkan atau meminjamkan Bakri buku-buku untuk dibaca.

ARAHAN: Jawab soalan-soalan berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai. Tuliskan nombor jawapan kamu di dalam tanda kurung () yang disediakan.

- 1 Bakri mengguna masa lapangnya untuk _____.
- (1) menulis buku
 - (2) menulis cerita
 - (3) meminjam buku
 - (4) membaca buku ()
- 2 Untuk mencari makna perkataan yang dia tidak faham, Bakri akan gunakan kamus atau tanya _____.
- (1) gurunya
 - (2) ibu bapanya
 - (3) kawan baiknya
 - (4) kawan-kawan sedarjahnya ()
- 3 Setelah membaca sesuatu buku, Bakri akan _____.
- (1) membuat salinan buku itu
 - (2) memberi buku itu kepada Cikgu Rasul
 - (3) menulis ulasan dan ringkasan cerita buku itu
 - (4) meminjamkan buku itu kepada kawan-kawannya ()
- 4 Bakri bercita-cita untuk menjadi seorang guru bahasa dan _____.
- (1) penulis buku
 - (2) penjual buku
 - (3) pekedai buku
 - (4) penerbit buku ()
- 5 Cikgu Rasul selalu menggalakkan murid-muridnya agar _____.
- (1) ikut cita-cita Bakri
 - (2) membaca buku-buku
 - (3) mencontohi sikap Bakri
 - (4) menghadiahkan dan memberinya buku-buku ()

KEFAHAMAN OBJEKTIF (LATIHAN 5)

ARAHAN: Baca dengan teliti petikan karangan di bawah ini.

Encik Manaf dan isterinya, Cik Sadiyah, mempunyai dua orang anak lelaki dan seorang anak perempuan. Anak mereka yang sulung bernama Johan berumur 10 tahun. Adiknya, Taufik, berumur 8 tahun. Anak bongsu Encik Manaf, Saniah, baru berumur 3 tahun. Encik Atan berasa bingung melihat anak-anak lelakinya itu seperti anjing dengan kucing. Mereka akan bergaduh dan bertengkar jika ditinggalkan berdua bersama.

Taufik selalu sahaja hendak menang semasa bermain dengan abangnya. Dia akan menjerit dengan kuat jika abangnya tidak mahu mengalah. Johan sudah tahu sikap adiknya yang selalu dimanjakan oleh bapanya. Johan seorang yang keras hati dan tidak pedulikan jeritan adiknya. Apa yang baiknya pula ialah mereka tidak pernah pukul-memukul atau gunakan tangan atau kaki antara satu sama lain. Mereka juga tidak membaling atau merosakkan mainan-mainan yang mereka kongsi. Saniah akan menangis jika dia nampak abang-abangnya bergaduh atau bertengkar dengan suara yang kuat.

Encik Manaf akan memarah Johan jika mereka bergaduh. Cik Sadiyah pula sebaliknya. Dia akan memanggil kedua-dua orang anaknya itu lalu menasihati mereka dengan suara yang lembut. Dia faham anak-anaknya itu masih kecil. Mereka memang hendak menang sahaja dan tidak mahu mengalah, baik dalam apa segi pun.

Pada suatu hari, Cik Sadiyah telah menangis semasa dia sedang menasihati anak-anaknya itu selepas mereka bergaduh. Anak-anaknya turut menangis melihat ibu mereka menangis. Mereka berasa kesal lalu meminta maaf dan berjanji tidak akan bergaduh lagi. Sejak hari itu mereka berdua berbaik dan tolong-menolong antara satu sama lain.

ARAHAN: Jawab soalan-soalan berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai. Tuliskan nombor jawapan kamu di dalam tanda kurung () yang disediakan.

- 1 Anak bongsu pasangan suami-isteri itu bernama _____.
 (1) Taufik
 (2) Johan
 (3) Saniah
 (4) Sadiyah ()

- 2 Apabila melihat anak-anaknya bergaduh, Encik Atan akan berasa _____.
 (1) sedih
 (2) kesal
 (3) hampa
 (4) bingung ()

- 3 Semasa Taufik dan Johan bergaduh dengan suara yang kuat _____.
 (1) Johan akan pukulnya
 (2) Johan akan sepaknya
 (3) Saniah akan menangis
 (4) ibu mereka akan menangis ()

- 4 Jika anak-anaknya bergaduh, Cik Sadiyah akan menasihati anak-anaknya dengan cara yang _____.
 (1) kasar
 (2) leceh
 (3) lembik
 (4) lembut ()

- 5 Johan dan Taufik turut menangis apabila ibu mereka menangis semasa menasihati mereka kerana _____.
 (1) mereka dirotan
 (2) mereka berasa kesal
 (3) mereka dimarahi ibu mereka
 (4) mereka tidak mahu mengalah ()